

## IDEOLOGI NASIONALISME, ISLAMISME DAN SOSIALISME MEMPENGARUHI PERJUANGANKEMERDEKAAN DI NUSANTARA

Kamarazaman Yacob

Universiti Utara Malaysia

Tel:0172104129 Emel: rerembang@gmail.com

Jessica Ong Hai Liaw

Universiti Pertahanan Nasional Malaysia,

Tel: +6012-3976778 E-mel:jessica@upnm.edu.my

Nora Ibrahim

Tel: +60194209764 E-mel: nora\_am91@yahoo.com

Rosfazila Abd Rahman

Tel: +60123313020 E-mel: rosfazila@kuis.edu.my

### ABSTRAK

Budaya politik Nusantara menerima ketiga-tiga ideologi iaitu Nasionalisme, Islamisme dan Sosialisme sebagai kuasa penyatu untuk perjuangan kemerdekaan. Ketiga-tiga ideologi itu mempengaruhi realiti sejarah, bahawa apa yang berlaku di Indonesia, akan turut menjadi model kepada perjuangan rakyat di Malaya sebelum merdeka. Sumpah Pemuda di Indonesia pada 1928 yang mencetuskan suara awal tentang Negara Indonesia, Bangsa Indonesia dan Bahasa Indonesiatelah menjadi pemangkin kepada kesedaran politik dan cita-cita kemerdekaan. Sukarno menggabungkan ketiga-tiga ideologi di atas sebagai teras perjuangannya semasa menuntut kemerdekaan. Beliau mampu bergabung tenaga dengan semua golongan, sama ada nasionalis, Islamis dan sosialis-komunis. Semasa menjadi Presiden Indonesia, Sukarno menggaulkan ideologi tersebut untuk memantap pengaruhnya dengan menamakannya sebagai NASASOS, iaitu Nasional, Agama dan Sosialis. Sebelum itu gabungan ideologi di dalam pentadbirannya di kenali sebagai NASAKOM iaitu Nasionalis-Agama dan komunis. Keberkesanan idea Sukarno turut diterima pakai oleh Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) yang di tubuhkan pada 1945 dengan menggabungkan tokoh-tokoh dari ketiga ideologi tersebut. Tiga ideologi mempengaruhi tokoh kiri ialah Boestaman, Mukhtariddin Lasso, tokoh Islam ialah Dr Burhanuddin el Helmy, Taharuddin Taha dan nasionalis ialah Ghafar Baba serta Sardon Jubir. Percubaan Inggeris ingin membentuk Malayan Union pada 1 April 1946, menyebabkan bermulanya bibit-bibit garis politik yang memisahkan antara pimpinan yang berlainan ideologi.

*Kata kunci: Nasionalisme, Islamisme, Sosialisme, Ideologi, Kemerdekaan*

### PENDAHULUAN

Tri-ideologi dalam konteks perbincangan ini melibatkan Nasionalisme, Islamisme dan Sosialisme. Ketiga-tiga ideologi tersebut menjadi senjata perjuangan kepada para pejuang kemerdekaan di Malaya dan Indonesia. Biarpun terdapat perbezaan di antara ketiga-tiga ideologi tersebut, namun ianya diikat atas kepentingan bersama iaitu untuk menghalau penjajah. Untuk mendapatkan kemerdekaan selepas dijajah ratusan tahun oleh imperialis Inggeris dan Belanda.

Kajian ini ditumpukan kepada perjuangan kemerdekaan di Malaya dan peranan tri-ideologi dalam percaturan politik selepas Merdeka. Kedudukan tri-ideologi di Indonesia hanya disentuh secara sepintas lalu. Nasionalisme, secara mudah adalah suatu ideologi atau fahaman yang meletakkan bangsa pada tempat yang tinggi. Membentuk sesebuah negara dan mempertahankan kedaulatan negara (nation) dengan melahirkan suatu konsep identiti bersama. Para nasionalis menganggap

negara adalah berdasarkan beberapa ‘kesahihan politik’.

Ideologi Islam yang tentunya menjadikan Quran dan Hadis sebagai sandarannya. Memperjuangkan idea sebuah negara Islam, yang menjadikan sistem Islam sebagai falsafah dan gagasan di dalam kehidupan. Tentunya mahu menekankan penguatkuasaan syarah terhadap orang Islam, masyarakat, pemerintah, ekonomi, sosial di samping membebaskan masyarakat Islam dari pengaruh barat.

Ideologi Sosialis, mereka jelas tentang ideologi sosialisme walaupun tidak sangat mendalam. Sosialisme merupakan teori atau sistem organisasi sosial dan ekonomi, di mana salah satu ciri utamanya ialah sumber kekayaan negara dinikmati bersama oleh seluruh rakyat secara sama rata. Atau di dalam bahasa yang mudah, ialah keadilan sosial kepada rakyat tanpa mengira kelas, kedudukan, keturunan, ras atau bangsa.

## PERBINCANGAN

Budaya politik Nusantara menerima ketiga-tiga ideologi sebagai kuasa penyatu untuk perjuangan kemerdekaan. Nasionalisme, Islamisme dan Sosialisme itu akhirnya menjadi bebola api yang membakar penjajah, terutama di Indonesia yang mendapatkan kemerdekaan secara revolusioner.. Begitupun, di Malaya ianya turut menjadi pemangkin kepada perjuangan kemerdekaan melalui tekanan politik/Telah menjadi realiti sejarah, bahawa apa yang berlaku di Indonesia, akan turut menjadi model kepada perjuangan rakyat di Malaya sebelum merdeka. Sumpah Pemuda<sup>1</sup> di Indonesia pada 1928 yang mencetuskan suara awal tentang Negara Indonesia, Bangsa Indonesia dan Bahasa Indonesia telah menjadi pemangkin kepada kesedaran politik dan cita-cita kemerdekaan. Percikan bunga api kemerdekaan dari Indonesia itu akhirnya menyalakan semangat juang anak muda Malaya, bermula dengan Ibrahim Yaakob menubuhkan Kesatuan Melayu Muda (KMM) pada 1938.

Perjuangan kemerdekaan Indonesia sangat mempengaruhi kebangkitan nasionalisme di Malaya. Cita-cita menghalau penjajah Belanda oleh pejuang Indonesia, sangat mempengaruhi semangat anak muda Malaya pada tahun-tahun 1930-an. Apatah lagi dengan kedatangan tokoh-tokoh kiri Indonesia, malah yang berideologi sosialisme-komunisme ke Malaya semakin membakar semangat kemerdekaan pemuda Malaya. Antara mereka ialah, Tan Malaka, Sutan Djenain, Alimin dan Mokhtaruddin Lasso<sup>2</sup>. Malah terdapat seorang revolusioner dari Indonesia Pak Inu, yang menetap di Kuala Kangsar turut menyertai KMM pada 1939. Pak Inu bukan penoreh getah biasa. Beliau seorang pejuang revolusi dari seberang Selat Melaka dan terlibat dalam revolusi menentang Belanda untuk kemerdekaan Indonesia pada tahun 1926, tetapi revolusi itu gagal<sup>3</sup>.

---

<sup>1</sup> Sumpah Pemuda adalah hasil Kongres Pemuda Kedua pada 27-28 Oktober 1928, di Jakarta. Ianya ditulis oleh Muhammad Yamin dan dibacakan oleh Sugondo. Cita-cita untuk mengadakan Tanah air Indonesia, Bangsa Indonesia dan Bahasa Indonesia.

Ibrahim Yaakob (IBHY) pada 1938 memulakan gerakan berunsur politik yang pertama, dengan menubuhkan Kesatuan Melayu Muda (KMM). Dua tokoh penting dalam kepimpinan organisasi ini sejak penubuhannya ialah Ibrahim Yaakob, bekas guru di sekolah Melayu yang kemudiannya menjadi wartawan dan Ishak Haji Muhammad, bekas pegawai pentadbir yang juga kemudiannya menjadi wartawan<sup>4</sup>.

Melalui KMM, Ibrahim Yaakob kemudiannya berjaya menyatukan tokoh-tokoh besar pemain politik Malaya tanpa mengira ideologi. Boestaman. Abdullah C.D mewakili golongan kiri menyertai KMM. Boestaman terlibat semasa penubuhan KMM, manakala Abdullah C.D menyertai KMM pada 1939. Pupukan awal inilah yang telah mengobarkan semangat saya untuk menceburkan diri ke dalam perjuangan anti- British dengan memasuki Kesatuan Melayu Muda pada 1939<sup>5</sup>. Manakala Dr. Burhanuddin el-Helmy yang merayakan ketiga-tiga ideologi Islamisme-sosialisme-nasionalisme menyertai KMM pada 1939, melalui Mustapha Hussin Naib Presiden KMM di Singapura<sup>6</sup>. Manakala Onn Jaafar seorang yang berideologi nasionalisme turut menyertai KMM pada 1942. Kejayaan Ibrahim Yaakob ini menjadi tapak semaian perjuangan kemerdekaan yang penting bagi Malaya, kerana di dalam usaha mencapai perjuangan kemerdekaan, ideologi tidak boleh menjadi halangan. Ternyata semangat ini telah diterjemahkan oleh aktivis politik Malaya, apabila mereka menubuhkan parti politik pertama iaitu Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) pada 17 Oktober 1945 di Ipoh.

Sekali lagi sejarah kemerdekaan Malaya mencatatkan bahawa semua pemain politik dari berbagai ideologi berjaya menubuhkan PKMM. Kemudian, parti politik baru yang meneruskan pendirian radikal KMM dan kepimpinannya sebahagian besarnya dari KMM dirasmikan di Ipoh pada September 1945. Parti ini dinamakan Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) dan kongres pertamanya telah diadakan di Ipoh pada November 1945<sup>7</sup>.

Atas kepentingan bangsa dan tanah air, PKMM telah menyatukan pemain-pemain politik Malaya dari ketiga- tiga ideologi, malah menerima tokoh dari Indonesia iaitu Moktaruddin Lasso. Moktaruddin Lasso, adalah seorang berfahaman sosialis-komunis yang terlibat secara langsung menubuhkan PKMM, malah menjadi Presiden pertama PKMM. Manakala, Dr. Burhanuddin sebagai Naib Presiden tetapi kemudiannya diambil alih oleh Dr. Burhanuddin al- Helmy apabila Moktaruddin Lasso menghilangkan diri tanpa dikesan<sup>8</sup>. Abdullah C.D, membariskan kepimpinan PKMM ialah, Moktaruddin Lasso (Ketua Umum), Dr. Baharuddin Al-Helmy (Naib Ketua 1), BaharuddinTahir @ Taharuddin (Naib Ketua 2), Dahari Ali (Setiausaha), Zulkifli Auni (Naib Setiausaha), Ahmad Boestaman (Ketua Pemuda), Khatijah Ali (Ketua Wanita) Arshad Ashaari (Bendahari) dan Salleh (Ketua Agama). Anggota Pusat Jawatankuasa ialah, Hamzah, Musa Ahmad, Ghafar Baba, Sardon Jubir, Haji Latif, Awang dan Hashim<sup>9</sup>.

<sup>2</sup> Abdullah C.D, Memoir Abdullah C.D, Zaman Pergerakan Sehingga 1948, ms. 18.<sup>3</sup>

Abdullah C. D, Memoir Abdullah C.D, Zaman Pergerakan Sehingga 1948, ms. 17. <sup>4</sup>

Rustam A. Sani, Golongan Kiri Melayu, ms. 17.

<sup>5</sup> Abdullah C. D, Memoir Abdullah C.D Zaman Peregrakan Sehingga 1948, ms. 16.

<sup>6</sup> Ismail Said, Dr. Burhanuddin Al- Helmy, Pejuang Melayu Sejati, ms. 14.

<sup>7</sup> Rostam A. Sani, Golongan Kiri Melayu, ms. 29. Lihat Ahmad Boestaman, Merintis Jalan ke Punchak.

Apa yang menarik, di dalam barisan kepimpinan PKMM itu terdapat aktivis dari ketiga-tiga cabang ideologi pada masa itu. Atas kepentingan bersama, iaitu perjuangan untuk mendapatkan kemerdekaan, mereka boleh bersatu di dalam sebuah organisasi politik. PKMM di bawah Dr. Burhanuddin al-Helmy juga menyuarakan kepentingan Melayu. Ariffin Omar menyatakan, “*Thus, the PKMM was very vocal in its crusade to restore Malay rights. Its slogan was ‘MerdekaHak dan Keadilan Putera Melayu’ (Protect the Rights of and (Obtain) Justice for the Malay)*<sup>10</sup>.

Ariffin Omar juga menyatakan bahawa PKMM di bawah Dr. Burhanuddin al-Helmy menggariskan asas perjuangan PKMM, meyerupai Panca Sila yang diilhamkan oleh Sukarno semasa mesyuarat persiapan kemerdekaan Indonesia. Mengikuti beliau, PKMM telah menetapkan lima prinsip pada 17 Oktober iaitu:

1. Believe in God (Ketuhanan Yang Maha sa).
2. Nationalism (kebangsaan).
3. Sovereign of the people (kedaulatan rakyat).
4. Universal brotherhood (persaudaraan sejagat).
5. Social justice (keadilan masyarakat).<sup>11</sup>

Manakala Panca Sila yang dihasilkan oleh Soekarno di dalam mesyuarat Panitia Persiapan Kemerdekaan Indonesia pada 18 Ogos di Jakarta menggariskan 5 prinsip:

1. *Belief in an all-embracing God* (ketuhanan yang maha esa).
2. *Righteous and moral humanity* (kemanusiaan yang adil dan beradab).
3. *The unity of Indonesian* (persatuan Indonesia).
4. *Democracy wisely guided and led by close contact with the people through consultation* (keadilan sosial bagi seluruh rakyat Indonesia)
5. *Social Justice for the entire Indonesia People* (keadilan sosial bagi seluruh rakyat Indonesia)<sup>12</sup>

Ternyata perjuangan kemerdekaan dan penyatuan pemimpin dari berbagai ideologi di Indonesia turut mempengaruhi corak perjuangan di Malaya ketika itu.

Sukarno menggabungkan ketiga-tiga ideologi di atas sebagai teras perjuangannya semasa menuntut kemerdekaan. Beliau mampu bergabung tenaga dengan semua golongan, sama ada nasionalis, Islamis dan sosialis-komunis. Semasa menjadi Presiden Indonesia, Sukarno menggaulkan ideologi tersebut untuk memantap pengaruhnya dengan menamakannya sebagai NASASOS, iaitu Nasional, Agama dan Sosialis. Sebelum itu gabungan ideologi di dalam pentadbirannya di kenali sebagai NASAKOM iaitu Nasionalis-Agama dan komunis.

<sup>8</sup> Ismail Said, Dr Burhanuddin Al Helmy, Pejuang Melayu Sejati, ms. 16.

<sup>9</sup> Abdullah C.D, Memoir Abdullah C.D, Zaman Pergerakan Sehingga 1948, ms. 93.

<sup>10</sup> Ariffin Omar, BANGSA MELAYU, Malay Concepts Of Democracy And Community, 1945-1950, SIRD, ms.50.

<sup>11</sup> Ariffin Omar, Bangsa Melayu, ms. 51.

<sup>12</sup> Ibid, ms. 51-52.

Idea Sukarno itu turut diterima pakai oleh PKMM yang di tubuhkan pada 1945 dengan menggabungkan tokoh-tokoh dari ketiga ideologi tersebut. Antara tokoh kiri ialah Boestaman, Mukhtariddin Lasso, tokoh Islam ialah Dr Burhanuddin el Helmy, Taharuddin Taha dan nasionalis ialah Ghaffar Baba serta Sardon Jubir. Apabila percubaan Inggeris ingin membentuk Malayan Union pada 1 April 1946, maka bermulalah bibit-bibit garis politik memisahkan antara pimpinan yang berlainan ideologi. Hampir keseluruhan persatuan berbentuk Melayu menentang penubuhan Malayan Union, manakala PKMM bertindak sebaliknya, kerana mereka lebih cenderung kepada Melayu Raya<sup>13</sup>.

Semasa Kongres Melayu Se-Malaya yang diadakan di Kelab Sultan Sulaiman pada 1-4 Mac PKMM turut menghantar wakilnya. Wakil PKMM di dalam kongres ini masih bercakap tentang perlunya penggabungan antara Malaya dan Indonesia. Ariffin Omar menyatakan, *“The PKMM which took part in the meeting that led to the founding of the UMNO in Mac 1946, believed in the union of Malaya with Indonesia Raya as both the Malays and the various ethnic groups in Indonesia were from the same bangsa.”*<sup>14</sup>

Semasa percubaan menubuhkan UMNO, jelas pemimpin dari ketiga-tiga ideologi tersebut masih boleh duduk bersama, tentunya dalam usaha memperjuangkan kemerdekaan. UMNO akhirnya mampu menjadi tempat berkumpulnya sebahagian pemain politik negara, apabila PKMM dan Hisbul Muslimin diharamkan pada 1948 berpunca dari pengisytiharan darurat pada Jun 1948. Antara tokoh PKMM yang menyertai UMNO ialah Ghaffar Baba, Sardon Jubir dan Aishah Ghani, yang kemudiannya menjadi tokoh penting di dalam UMNO. Menariknya, UMNO secara tidak langsung telah melahirkan PAS<sup>15</sup>, yang akhirnya menjadi saingan kepada UMNO itusendiri. PAS lahir dari tokoh-tokoh agama yang berada di dalam UMNO, yang dipimpin oleh Ahmad Fuad Hassan.

Manakala parti berideologi sosialis ditubuhkan pada 11 September 1955 oleh Ahmad Boestaman, bekas Ketua Angkatan Pemuda Insaf (API) Ahmad Boestaman berjaya membentuk atau menyatukan kembali tenaga kiri dari parti PKMM, API, AWAS yang telah diharamkan oleh Inggeris selepas pengisytiharan darurat. Di mana lebih 12,000 orang kiri telah ditangkap oleh penjajah.

Ketiga-tiga ideologi ini berterusan menjadi pegangan kepada perjuangan parti-parti politik selepas merdeka. Secara mudahnya, UMNO menjadi parti mewakili ideologi Nasionalisme. Manakala PAS menjadi parti yang berpegang kepada Islamisme dan PRM/PSRM berpegang

---

<sup>13</sup> Melayu Raya menjadi cita-cita kepada perjuangan PKMM yang mahu menjadikan Malaya bergabung dengan Indonesia. Idea yang sama dianuti oleh Sukarno semasa pendudukan Jepun di Indonesia dan Malaya. Dr. Burhanuddin golongan kiri Melayu pada masa itu memperjuangkan Melayu Raya.

<sup>14</sup> Ariffin Omar, Bangsa Melayu, Malay Concept Of Democracy and Community, 1945-1950, ms.110

<sup>15</sup> PAS lahir selepas Mukhtamar Ulamak ke 3, di Bangunan Kelab UMNO Bagan, Butterworth, dipimpin oleh Ahmad Fuad Hassan. Usaha Otman Hamzah telah berjaya melahirkan Persatuan Islam Se-Malaya (PAS) menggantikan Pertubuhan Ulamak Se-Malaya. Parti Islam Se-Malaya, ditubuhkan pada 25 November 1951, tetapi pendaftarannya diluluskan pada 31 Mei 1955.

kepada Sosialisme. Menjelang kemerdekaan dan selepas merdeka ketiga-tiga parti tersebut terus bertempur dalam mendapatkan pengaruh dan memenangi pilihan raya. UMNO dan PAS bolehlah dianggap sebagai dua buah parti Melayu yang mendapat pengaruh di kalangan orang-orang Melayu. Manakala PSRM adalah parti berbagai kaum tetapi teras kepimpinannya adalah Melayu.<sup>16</sup> Biar pun teras kepimpinan PRM/PSRM adalah Melayu, tetapi parti ini gagal menembusi pengaruh UMNO dan PAS dalam kalangan orang Melayu.

Kejayaan pembentukan Parti Barisan Nasional (BN), semasa UMNO di bawah Tun AbdulRazak, sekali lagi berlaku gabungan antara ketiga-tiga ideologi di negara ini. PAS, parti yang berideologikan Islamisme menjadi komponen yang besar di dalam Barisan Nasional. Manakala, SUPP, PPP dan GERAKAN yang mewakili parti progresif turut menyertai BN. Dua buah parti sosialis, iaitu PSRM yang mewakili sosialisme saintifik dan DAP yang wakili sosialis demokratik, tidak menyertai BN. Menurut Syed Husin, Tun Razak adalah seorang pemimpin nasionalis sejati dari tindakan dan polisinya terhadap negara. Misalnya, beliau meneruskan enam Non Align Movement dan mewujudkan Zone of Peace Freedom and Neutrality (ZOPFAN) manakala untuk membangunkan rakyat dan penyatuan kaum, beliau memulakan Dasar Ekonomi Baru dan melahirkan Rukun Negara.

## KESIMPULAN.

Secara kesimpulannya, Sukarno memimpin ketiga-tiga puak di Indonesia dalam menentang Belanda untuk mendapatkan kemerdekaan Indonesia pada 17 Ogos 1945. Malah, beliau turut menyatukan ketiga puak yang berlainan ideologi itu selepas berjaya mencapai kemerdekaan. Manakala, Tunku Abdul Rahman yang diwakili golongan nasionalis di Malaysia tidak mampu menyatukan golongan kiri dan Islamis kecuali Tun Razak menyatukan ketiga-tiga golongan ini. Jelas, Tri-ideologi memainkan peranan penting di dalam perjuangan politik sejak Malaya hingga kepada Malaysia. Penyatuan dan pertembungan antara parti-parti politik berasaskan ketiga-tiga ideologi tersebar terus berlaku. Apa yang berlaku di Malaya dan Malaysia, turut juga berlaku di Indonesia. Tri-ideologi sentiasa mewarnai politik di Malaysia dan Indonesia.

## RUJUKAN

- Abdullah C.D. (2005). *Memoir Abdullah C.D, zaman pergerakan sehingga 1948*. Petaling Jaya: SIRD.
- Ariffin Omar. (2017). *Bangsa Melayu, Malay Concepts of Democracy and Community, 1945-1950*. Petaling Jaya: SIRD.
- Ismail Said. (2008). *Dr Burhanuddin Al Helmy, Pejuang Melayu Sejati*. Shah Alam: Karisman Publication Sdn. Bhd.
- Rustam A. Sani. (2011). *Asal usul sosial golongan kiri melayu*. Petaling Jaya: SIR
- Temubual bersama Syed Husin Ali, 16 Oktober, 2019, Petaling Jaya.

---

<sup>16</sup> PRM atau PSRM sejak awal penubuhannya dipimpin oleh orang Melayu. Mulanya di pimpin oleh Boestaman semasa PRM. Kemudian dipimpin oleh Kassim Ahmad dan menukarkan namanya kepada PSRM. Apabila Syed Husin Ali memimpin selepas Kassim Ahmad, beliau kembali menukarnya kepada PRM. Selepas itu di pimpin oleh Hassan Abdul Karim dan diikuti oleh Rohana Ariffin.